

Adapun orang bilang tidak apa “tepek air di dulang” mencik ke muka sendiri dengan alasan menyatakan bahawa yang demikian sekrang tidak menjadi suatu perkara yang memalukan. Kalau dimaknakan menepuk air di dulang itu biasanya tentang perkara-perkara yang lazimnya dibuat dan dilakukan oleh orang-orang kita yang zahir tidak disengahaja. Tetapi kalau perkara-perkara seperti menepuk dada, mengaku pujangga dan ahli seni, mengaku pembawa aliran baharu dengan sorak sorai yang hebat akulah yang buat kemudian mengaku kelakuannya itu terlanjur dan tersalah bawa maka yang demikian itu dikatakan penjilat – yankni menjilat apa yang telah diludahkan.

-----*-----*-----

Bukti yang nyata untuk keterangan di atas tentang perbuatan-perbuatan menepuk dada itu tidak ada sehingga Tuan O. T. Dasik di England bertanya tunjukkanlah apa yang telah dibuat oleh Angkatan S.B. itu yang telah mencela angkatan lama. Pertanyaan itu tentulah didasarkan kepada bukti oleh kerana nampaknya Tuan O. T. Dasik melihat bahawa pihak S. B. itu banyak cakap sahaja tidak ada kerja, yang demikian ini jadi kerana angan-angan tinggi atau pun kerana keadaannya “tin kosong”

-----*-----*-----

Tatkala menjawab pertanyaan anak-anaknya Pak Unggul berkata bahawa

Kopi Pahit ertinya tempat menggasak orang dengan sendirian. Nampaknya ia sudah beri salah makna. Patutnya ia memberi makna bahawa barang yang pahit biasanya



KOPI PAHIT

jadi ubat – kuinin pahit, ubat yang mujarab dan sebagainya dan Rasulullah juga bersabda maksudnya “Sampaikan olehmu barang yang haq itu sekalipun ia pahit.” Ini jadinya bukan untuk menggasak kerana mengasak itu berniatnya buruk sedang menerangkan yang haq itu bertujuan baik – faham apa tidak?!

-----*-----*-----

Tujuan Haji Abdullah Fahim ketua Majlis Islam di Pulau Pinang nampaknya telah menjadi ketua ulama taklid buta. Apa sebab dikatakan begitu! Jawabnya – oleh kerana baharu-baharu ini ia telah mengatakan bahawa salah orang yang sembahyang Jumaat kurang dari 40 orang (sebagaimana fatwa Perlis) dan yang pelik lagi ialah mengatakan bahawa ada agama baharu terbit di Pulau Pinang yang dinamakan Ahlus Sunnah wal Jamaah yang berpegang kepada Al-Quran dan Al-Hadith – tidak mau berpegang kepada fatwa ulama-ulama mazhab yang empat. Masya-Allah kalau tuduhan itu kita bawa secara loyar, mana agama baharu mazhab empatkah atau orang-orang yang berpegang kepada Al-Quran dan Al-Hadithkah?! Kita fikir mazhab yang empat baharu kerana yang lebih

dahulu sampai Al-Quran dan Al-Hadith sedang Imam-imam yang empat itu mengambil daripada Al-Quran dan Al-Hadith dan mereka itu menyatakan perkataannya jangan dipegang kalau berlawanan dengan Al-Quran dan Al-Hadith. Dengan keterangan ini maka zahir bahawa mazhab empat itu ialah membawa aliran fikiran (ijtihad) mereka. Dengan keterangan-keterangan ini nyata bahawa Haji Abdullah Fahim dan pengikut-pengikutnya itu telah mendirikan nafsu untuk mengabui mata orang ramai kepada mereka yang mau berfikir semata-mata kepada Al-Quran dan Al-Hadith, Ijmak Sahabat dan Qias, masa Taslim berbunyi mereka tidak gembur gembur – apa fasal?!

-----*-----*-----

Boleh jadi juga – ini tekaan sahaja – mereka berbunyi demikian itu kalau nanti mereka tidak dapat can lagi dengan jubah-jubahnya untuk membaca tahlil tiap-tiap ada kematian – sekurang-kurangnya dapat can makan dalam tiap-tiap kematian itu berpuluh-puluh hari dan makannya pula tentu istimewa – duduknya di tengah-tengah di atas hamparan yang utama, tidak peduli agama tegah atau tidak. Zakat boleh terima sekalipun ia kaya dan banyak macam-macam lagi yang berlawanannya dengan pengajaran Al-Quran dan Al-Hadith serta Ijmak sahabat dan qias itu seupaya faedah dapat banyak walaupun orang yang berserban itu tin kosong – umat menjunjung

kerana serbannya pada hal

perbuatannya menjadi ketua bidaah

dalalah – ingat nanti akan

ditanya atas perbuatan kita

masing-masing. Kalau tidak bersetuju

kepada keterangan orang-orang yang berpegang

kepada Al-Quran dan Al-Hadith

itu bantahlah, tetapi bantahan itu mesti berasas kepada

Al-Quran dan Al-Hadith sebab asasnya di sini – bukan daripada fikiran

atau pendapatan orang lain sebab kalau agama diasaskan pada pendapatan

sudah tentu akan binasa. Mudah mudahan ramai insafallah bahawa agama

kita yang ada sekarang telah ditambah dengan pendapatan dan fikiran yang tidak

beralasan.

-----*-----*-----

Sesudah kena tanya – kononnya Tuan Haji di Pulau Pinang itu mengatakan “bahasa ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah” itu salah... tetapi perkembangan ajaran itu wajib ditegah! Orang tentula mau tanya “ajarannya tidak salah tetapi kenapa wajib ditegah?!” Apa ada apa-apanyakah? atau orang yang bercakap ini sudah banyak tidak salah tetapi ditegah – apa fasal? Kalau begini keadaan seorang “Mufti” lebih baik Pulau Pinang jangan pakai Mufti habis perkara – kalau mufti macam ini kita fikir lebih baik disimpan dalam sekolah gambar sahaja – Cemeti Al-Farouk.